

08/11/1999

BN tidak abai rakyat luar bandar

MUAR, Ahad - Kerajaan Barisan Nasional (BN) di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sentiasa mengambil berat masalah rakyat luar bandar termasuk menyalurkan peruntukan bagi projek pembangunan dan kemudahan asas.

Ia selaras janji dalam manifesto BN menjelang pilihan raya umum lalu sekali gus mahukan wakil rakyat memastikan tidak ada rakyat tercicir daripada menikmati arus pembangunan.

Ahli Parlimen Pagoh, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata bagaimanapun agenda pembangunan dilaksanakan kerajaan tetap berterusan.

Beliau berkata, perbincangan mengenai masalah rakyat luar bandar juga diberi perhatian dan dibincangkan dalam mesyuarat kabinet serta di peringkat kementerian dan jabatan.

"Sebagai contoh, kejatuhan harga getah hingga menjejaskan pendapatan pekebun kecil dibincangkan dalam mesyuarat kabinet bulan lalu.

"Hasil perbincangan itu kerajaan bersetuju mengeluarkan peruntukan lebih RM800 juta untuk menyokong kenaikan harga getah di pasaran negara," katanya pada majlis perjumpaan bersama rakyat di Kundang Ulu, di sini, semalam.

Muhyiddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, tindakan itu selain dapat menaikkan harga getah bertujuan menstabilkan semula ekonomi penduduk luar bandar.

Beliau berkata, tindakan mengekalkan kadar penetapan ringgit kepada RM3.80 berbanding dengan dolar Amerika juga membantu negara mendapat pulangantukaran wang asing lebih tinggi melalui eksport barangan utama dan komoditi negara.

"Kejayaan kerajaan memulihkan kemelut ekonomi negara serantau tanpa meminta bantuan tabung kewangan antarabangsa (IMF) juga dicemburui kuasa asing termasuk memburukkan kepemimpinan kerajaan, khususnya Perdana Menteri," katanya.

(END)